



## PERMOHONAN PERKAHWINAN MELALUI MAHKAMAH

Mengikut Undang-Undang Keluarga Islam yang sedang berkuatkuasa di semua negeri di Malaysia, permohonan kebenaran berkahwin hendaklah memohon melalui pejabat Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk di mana tempat perempuan itu bermastautin.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kes yang perlu dirujuk oleh Pendaftar Nikah kepada Mahkamah Syariah untuk tindakan Hakim Syarie bagi mengeluarkan kebenaran berkahwin. Kes-kes tersebut ialah:

- i. Permohonan lelaki di bawah umur 18 tahun dan perempuan di bawah umur 16 tahun.
- ii. Permohonan seorang perempuan janda berhias iaitu perkahwinan oleh seorang perempuan yang mendakwa telah bercerai sebelum disetubuhi oleh suaminya.
- iii. Permohonan perkahwinan Wali Hakim:
  1. Tiada wali yang sah dari nasab
  2. Wali ghaib
  3. Saudara Baru atau Muallaf
  4. Anak tak sah taraf
  5. Wali enggan
  6. Wali dalam ihram haji/umrah
  7. Wali tidak dapat dihubungi atas sebab darurat.
- iv. Permohonan berpoligami

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Rendah Syariah di tempat pemohon itu bermastautin. Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi permohonan ini adalah seperti berikut:

- (a) Notis permohonan
- (b) Afidavit sokongan
- (c) Eksibit-eksibit seperti salinan kad pengenalan, sijil memeluk Islam, borang perkahwinan bagi perempuan, borang perkahwinan bagi lelaki dan lain-lain dokumen yang berkaitan
- (d) Surat sokongan daripada Pendaftar Nikah
- (e) Fi yang secukupnya
- (f) Wakalah peguam syarie bagi yang menggunakan khidmat Peguam Syarie.



### Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia JKSM

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Pesekutuan,  
62677 PUTRAJAYA  
Telefon: 03 - 888 64800  
Fax: 03 - 888 91627